

## “BAHASA SANSKRIT”

“Bahasa Sanskrit “yang menjadi tajuk tulisan ini ialah nama sebuah kamus kecil bertulis Melayu mengandungi kata-kata Sanskrit dan sedikit kata-kata Tamil, Parsi dan Hindi yang termasuk dalam bahasa Melayu.

Menurut kata pengarang yang berbahagia A. ‘Abdul Hamid Bin Muhammad Said bekas guru pelawat Perak dalam pendahuluan buku tersebut bahawa hampir semua kata-kata itu dipungut dan dikumpulkan dari buku-buku bacaan sekolah Melayu ( Cani bacaan, Hikayat Abdullah, Sejarah Melayu, pelbagai citra Melayu dan Hang Tuah) dan sebagai penambah buku-buku: Indra Mengindra, Bayan Budiman, Bustan al-Salāṭīn, Hikayat Raja-raja Pasai, Giliran Budi dan Misa Melayu.

Buku ini walaupun kecil tetapi besar harganya kepada pencinta bahasa Melayu, bukan sahaja kerana dia pertama-tama kamus bahasa Sanskrit yang keluar dalam persuratan Melayu tetapi juga kerana huraian pengarang jelas padat dan bersendikan syair-syair tua yang indah bentuknya.

Misalnya di muka 3 dalam bahagian huruf (1) tatkala menerangkan makna Istakun (Istakuna), tuan pengarangnya menulis:

Istakun – Ada yang menyebut Istakunah . “Asah” yang dipanggil kata Istakun itu berasal dari “Istam”, di dalam Sanskrit ertinya eilapan, tetapi akhirnya huruf mim itu hilang. Separuh pendeta mengatakan daripada “Hashah” dalam Parsi ertinya delapan. Dalam timbangan penulis tetaplah daripada “Istam” disebabkan riwayat Burhamin itu lebih duri daripada Parsi bahkan Hashah itupun serumpun dengan Istam jua. “Kun” (kuna) itu ertinya penjuru. Jadi maknanya Istakun itu delapan penjuru pecah delapan iaitu kekuatan kotak pecah delapan atau punca namanya dan bertingkat-tingkat didalam itulah taruh

nasi kuning (kunyit) yang terhias, diletakkan di hadapan pelamin. Di negeri perak nasi yang demikian itu dinamakan “nasi idap-idap” yakni dihadap oleh pengantin (sebagaimana kata) syair:  
Disandingkan puteri puteranya  
menghadap nasi Istakun  
Dilayani siti anak perdana  
menyelampi tetampun penaca waran

\*

Di muka 3 juga, perkataan “asmara” telah diberi huraian yang lanjut dan bersendikan syair:  
Asmara S – Asmara, asalnya Samkar atau Samkara:  
berahi, cinta,suka, asmara jaya: yang suka dan menang, yang menang dengan kesukaan. Asmara danta: putih Sifa, putih seperti bunga cina, putih seperti tepung, putih seperti gigi. Asmara Guna: hikmat yang boleh melakukan betapa kesukaan belia remaja, kayangannya turun. Asmara lara: kesukaan bercampur susah, kesukaan yang memakan hati, Indon Asmara: Gila kesukaan, gila berahi, mabuk gila dalam berahi (sebagaimana

kata (syair:

Gundahnya raden tidak terperi

Indan kesamaraan kepada puteri

Wajahnya muram tiada berseri

Air diminum serasa duri

\*

Suatu huraianya lagi yang menarik hati ialah

di muka 5 berkenaan makna “upacara”.

Upacara S-yang biasa diertikan ialah perkakas

kerajaan, terkadang-kadang disebut punca bicara

pencawa, atau upacara bunyinya “upacara”

ertinya tepung tawar atau hamburan . Orang-orang

Melayu maratkan emas atau perak digunting

halus-halus. Atau duit dicampur dengan beras

kunyit serta bunga rampai ditabur tatkala

mengalu-ngalu menyambut mempelai, atau sedeqah pada ketika

membawa usungan raja diraja. Dinamakan bertabur

wang atau bertabur urai. Seperti bunyi syair

Maka baginda pun tampillah menyucurkan punah

bicara pada ulu putera kedua:

Baginda menyucurkan patah bicara

ke atas ulu kedua putera

berapa sempena bercampur mentera

diiringi oleh hujan Proboro

\*

Huraiannya berkenaan perkataan “paras” tidak kurang

indahnyanya daripada sifat-sifat kecantikan yang empat belas menurut

ukuran Melayu, seperti yang diperturunkan dimuka 4:

Paras S – Rupa cantik, rupa yang cukup ukur. Dalam

Melayu dikatakan taujih laksana: (1) rambut

ikal mayang, (2) duhai sehara bulan, (3) kening

bentuk taji (4) pipi paut dilayang, (5) mata

bintang timur, (6) hidung qalam dirincung,

(7) telinga Telipuk layu, (8), dagu lebih

bergantung, (9) leher jinjang, (10) dada bidang,

(11)penyanggang ramping, (12) jari tobok

Seri, (13) betis bunting padi, (14) paha belalang

\*

Kalimah “kebudayaan” juga mendapat huraian yang

lanjut dalam kamus yang kecil ini, lihat muka 57:

kebudayaan S –daripada budaya - “Bu” utama,

Sejati, mulia “daya”: akal, pengenalan

pengenalan yang boleh dipegang, makrifah, apabila dikembarkan

kedua-duanya itu (budaya) bererti kelebihan akal,

ketigian makrifah, kesempurnaan pengenalan, lubuk

pengetahuan yang dalam. Orang-orang tua Melayu telah menempa

kebudayaan tentang bisanya keris ganja

demikian bunyinya:

“Sebulan dagang mengalas jejak ditikam mati jua”.

“Setitik darah kedaratan, setahun padi tak jadi”.

“Setitik darah kelautan, setahun ikan tak main”.

“Ketiga-tiga ayat ini didalam masa kedua lautan kerajaan

Melayu dahulu penuh berisi kebesaran yang cemerlang. Di sana

dihuraikan dengan ringkas tetapi padat maksudnya: yang pertama-

sekiranya sebarang orang-orang dagang menceroboh atau tidak

menjelaskan cukai baya yang bersangkutan dengan kerajaan ke mana

pun si dagang itu lari dalam sebulan-bulanan diburu dan

dikejar jua, itulah had sempadan alamnya atau perintahnya.

Yang kedua dan yang ketiga – Jika si dagang itu melawan

baik di darat atau di laut walaupun tak dapat bersawah hingga

setahun tentang kerajaan terpaksa membela dara rakyat yang

sedikit itu Indinya si dagang itu turun ke laut.

Di laut pun demikian juga, sampaikan ikan tak dapat

berenang oleh peperangan! Adapun yang dimerdekakan keris sempena

ganja iris itu ialah kebesaran yakni kedaulatan kerajaan

hasil kebudayaan itu termasuklah segala adat lembaga

pengetahuan, kesenian, kesopanan dan kemanusiaan.

bersambung di sebelah



# KOPI PAHIT

Penulis halaman ini mengucapkan

Selamat Hari Raya Aidilfitri

pada sekalian

## IKHWĀNUL MUSLIMĪN

(Sambungan daripada muka 38)

Tidak juga ketinggalan tuan pengarang itu menghuraikan erti “Melayu” dan dari mana asal terbitnya, lihat muka 70:

Melayu s- bukit , gunung ertinya “lari” yang

biasa ditengkar-tengkarkan oleh orang awam itu keliru sekali dengan sebab mereka tidak diketahui asal-usul dan punca, di tanah Hindustan ada sebuah gunung namanya Himalaya, sanya Malaya itu tetaplah ertinya gunung ahli-ahli yang faham rumpun bahasa, perkataan Melayu itu daripada Malaya itulah terbitnya apatah lagi jika disusun pokok-pokok bahasa Melayukita kebanyakannya sama dengan bahasa anak Champa di negeri Anam, dengan bahasa Pego dinegeri Burma. Istimewa pula dengan bahasa orang Khasi (kasi) yang berketurunan di negeri Asam bahawa negeri-negeri yang tersebut itu bertali mali belaka dengan gunung Himalaya demikian jua ceritera yang dihikayatkan sejarah Melayu: “yang” sepurba (nila utama) yang

merajai Temasik itupun datangnya dari

“bukit” (bukit sekontang). Di balik negeri

Perak, ada sebuah gunung namanya Pasu Malai

maknanya Gunung Lembu, Wallāhu‘alam.”

Terlanjur menulis dari hala kamus teringatlah

kita dari hal kamus “Lembaga bahasa Melayu” yang berpusat

di Singapura. Bila terbitnya dapatkah kiranya

cikgu Buyung ‘Adil ketua badan penerangan memberi

sedikit penerangan?

Soal menyusun sebuah kamus Melayu yang lengkap memang

selalu kedengaran sahut menyahut tersiar beritanya di dalam

akhbar. Tuan Za‘ba pernah diberitakan sedang menyusun sebuah

kamus Melayu yang lengkap lebih besar daripada segala kamus

Melayu yang ada. Baharu-baharu ini pula tersiar berita bahawa

“Kepegemas” telah memberi tugas kepada badan persuratan

menyusun sebuah kamus Melayu yang lengkap. Dan sentiasa

kedengaran pada hal masyarakat sedang menanti hasilnya.

-Seri Lanang